



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAJLIS AMANAT PENGARAH INTAN TAHUN 2023

***“MENDEPANI CABARAN PERTIWI:
KITALAH PENGGERAK MALAYSIA MADANI”***

AUDITORIUM INTAN | 2.30 PETANG | 31 JANUARI 2023 (SELASA)



SALUTASI MAJLIS

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Puan Salinah binti Ismail, Timbalan Pengarah Kanan INTAN,

Yang Berbahagia Dato' Dr. Roslan bin Mahmood, Timbalan Pengarah INTAN,

Ketua-ketua Pusat dan Program Pengajian, Felo-felo Penyelidik Kanan INTAN, Pengarah-pengarah Kampus Wilayah INTAN,

Tuan-tuan dan puan-puan warga INTAN yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun bersama

dalam Majlis Amanat Tahun 2023 merangkap Majlis Perhimpunan Bulanan INTAN bagi bulan Januari 2023. Kehadiran YBhg. Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan sama ada secara fizikal mahupun secara maya amatlah dihargai.

2. Meskipun kini kita telah tiba di penghujung Januari, masih tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada semua warga INTAN. Harapan dan doa dipanjatkan semoga tahun 2023 ini menjadi tahun penyemarak semangat dan pengukuh daya tahan bagi membolehkan kita menjayakan pelbagai perencanaan yang telah diatur.

3. Terima kasih dirakamkan kepada Unit Korporat dan Antarabangsa yang mengurus setiakan Majlis Amanat Tahun 2023 ini atas tema: **“Mendepani Cabaran Pertiwi: Kitalah Penggerak Malaysia MADANI”**.

CABARAN DAN KECELARUAN GLOBAL

Warga INTAN yang dikasihi,

4. Beberapa tahun mutakhir ini, kehidupan kita diserabuti dengan kerumitan dan kesulitan, baik virus pandemik, bencana alam, tekanan inflasi, kenaikan kos sara hidup, kekurangan bekalan makanan, pemberhentian kerja, gaji tidak cukup dan sebagainya. Kemudian kita telah memasuki transisi endemik pascanormal dalam keadaan dunia tidak menentu yang dibadai dengan kerumitan, percanggahan, kekacauan dan keserentakan. Dalam realiti hari ini, kerap kali persoalan ini dilontarkan – bagaimana seharusnya kita berurusan dengan jungkir-balik dunia dan pancaroba VUCA?

5. Penyelesaian sebenar terhadap kerencaman persoalan peradaban dalam era pasca normal tidak dapat tidak harus kembali kepada islah akar umbi keinsanan sendiri iaitu dimensi moral dan etika. Dalam kata lain, segala ikhtiar, perencanaan dan naratif yang mendasari agenda perubahan dan penyelesaian dalam era pascanormal yang penuh mehnah dan tribulasi ini akhirnya tidak dapat lari daripada sifat-sifat ihsan, peduli, prihatin, belas kasihan (rahmah – perkataan Arab) dan empati kepada keperitan orang lain dan mencari jalan bagi mengubatnya.

6. Mendepani era pascanormal yang penuh dengan ketidakpastian ini, maka gagasan *MADANI* telah dimajukan oleh YAB Dato'Seri Anwar Ibrahim sebagai ikhtiar untuk mengemudi bahtera negara melayari lautan penuh gelora (*the perfect storm*). "Madani" dalam *Kamus Dewan Perdana: DBP, 2020* – membawa maksud maju dari segi pemikiran, kerohanian, akhlak dan kebendaan. Dengan itu, masyarakat madani ialah masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan.

GAGASAN MALAYSIA *MADANI*

Warga INTAN yang dikasihi,

7. Kendatipun demikian, gagasan Malaysia *MADANI* membawa pengertian lebih jauh daripada takrifan kebiasaan. Prinsip-prinsip *MADANI* yang memandu perjalanan masyarakat dan negara menuju pembentukan sebuah negara bangsa gamilang adalah:

M - *kemampanan* merujuk kepada kemajuan kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara

manusia dan alam, bagi membentuk kualiti kehidupan sejahtera.

A - *kesejahteraan* mengambil kira keseimbangan kehidupan di antara keperluan jasmani dan rohani.

D - *daya cipta* menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea dan proses yang lebih maju.

A - *hormat* menekankan kepada aspek maruah manusia, adab serta prinsip hak asasi manusia.

N - *keyakinan* menuntut kepada perilaku amanah, kepercayaan serta kebertanggungjawaban

I - *ihsan* membawa hasrat tanggungjawab sosial yang menyeluruh, peduli dan belas kasihan, serta mencari penyelesaian untuk menangani kesulitan orang lain.

8. Enam Rukun (tonggak) ini bakal memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera, sebuah negara berdaulat yang rakyatnya disatukan oleh ikatan taat setia dan kesatuan identiti sehingga tidak lagi dapat diidentifikasikan melalui kaum, keturunan atau warna kulit.

9. Bagi memastikan kemampanan dan kelancaran agenda ini, empat teras strategik yang utama menjadi tonggak MADANI iaitu:

- Membina semula ekonomi
- Menjamin kesejahteraan insan
- Reformasi institusi demokrasi dan perundangan
- Mewujudkan pentadbiran beramanah

Teras strategik ini dilengkapi dengan tiga pemboleh daya strategik yang akan berfungsi sebagai enjin penggerak iaitu Digitalisasi Perkhidmatan Rakyat, Pendayaupayaan Bakat Terbaik Negara dan Pemerkasaan Pengurusan Projek Strategik. Ketiga-tiga komponen ini berkaitan dengan pembangunan latihan di INTAN. Kita perlu melihat semula bagaimana Rukun MADANI ini boleh diserap dalam pelaksanaan program-program latihan INTAN.

10. Gagasan *MADANI* akan diangkat menjadi teras bagi memperkukuh lapan bidang keperluan dalam pembangunan negara iaitu:

- Ekonomi
- Kewangan

- Perundangan
- Pendidikan
- Kemasyarakatan
- Kebudayaan
- Bandar
- Luar Bandar

11. Semasa Perhimpunan Bulan Januari 2023 Jabatan Perdana Menteri, YAB Perdana Menteri sekali lagi mengajak penjawat awam supaya bangkit melakukan islah dan pembaharuan dalam usaha memaju dan membangunkan negara dalam situasi ketidakpastian ini. Perkhidmatan awam dituntut supaya lebih cekap bertindak dan tidak harus ada budaya selesa (*culture of contentment*). Perkhidmatan awam dengan itu harus profesional dan berpegang kepada semangat serta ikrar untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

INTAN: MENGGALAS PERANAN, MENCIPTA PERUBAHAN

Warga INTAN yang dikasihi,

12. Sebagai institusi primer atau “***primus inter pares***” (*the first among equals*), INTAN ditanggapi oleh ILA sebagai pencetus islah dan penanda aras dalam dunia latihan dan pembelajaran perkhidmatan awam. Ini terlihat menerusi inisiatif dan pembaharuan yang dilakukan INTAN bagi menjayakan misi membangunkan modal insan sektor awam yang kompeten melalui pembelajaran berkualiti, dengan sistem latihan dalam talian dan e-pembelajaran yang pragmatik semasa negara menghadapi pandemik dan keterbatasan pergerakan.

13. Sepanjang tahun 2022, kita telah menjayakan pelbagai program bitara seperti Majlis Istiadat Penganugerahan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam dan Felo INTAN 2022, Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-18, Seminar Aspirasi Keluarga Malaysia, Kolokium Penyelidikan dan Ulangtahun ke-40 Dasar Pandang Ke Timur, Seminar Inovasi Perkhidmatan Awam, Forum Pemantapan Profesionalisme Penjawat Awam dan Kempen Gerakan Membaca; Forum Perdana di samping program-program pembelajaran antarabangsa (MTCP, SEDP dan LDP, selain *customised programmes* dengan institusi-institusi strategik antarabangsa).

14. Kita telah menyembah undangan kepada DYMM Raja Permaisuri Agong untuk menyampaikan Titah Syarahan DiRaja tahun lalu, namun dukacita Raja Permaisuri Agong berhalangan pada tarikh yang dicadangkan. Kali terakhir INTAN Royal Talk ialah pada tahun 2017 menerusi Titah Syarahan DYTm Tengku Muhammad Fa-iz Petra, Tengku Mahkota Kelantan yang ketika itu juga pemangku Sultan Kelantan.

15. Kesemua KPI INTAN telah berjaya dicapai, termasuk 13 SKT di bawah pemantauan JPA. Pencapaian di peringkat kampus-kampus wilayah juga sangat cemerlang dengan pelbagai program pembelajaran, seminar, forum dan *outreach* telah dijayakan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga INTAN atas pencapaian sasaran kerja bagi tahun 2022. Pasti ia dapat dijayakan menerusi kekuatan *sense of purpose, sense of commitment* dan *esprit-de-corps* (semangat kebersamaan).

16. Memasuki fajar baharu 2023, ayuh mari kita bergerak bersama-sama melaksanakan 1,125 program dan aktiviti: sama ada bitara, primer mahupun strategik yang telah dirancang. Bergerak dengan langkah kanan, INTAN telah berjaya melaksanakan mandat Jemaah Menteri dengan menganjurkan Permukiman Anggota

Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan pada 15 Januari 2023 bertempat di Seri Perdana, Putrajaya.

INTAN: *THE NEW BUSINESS EXCELLENCE FRAMEWORK 2023*

Warga INTAN yang dikasihi,

17. Pada Seminar Perancangan Strategik INTAN 2023 akhir tahun lalu, kita telah membangunkan ***The New Business Excellence Framework INTAN*** bagi memandu strategi pelaksanaan tugas bagi setiap Pusat / Program / Pejabat / Kampus Wilayah / Unit. Komponen operasi strategik kerangka ini diwakili oleh lima elemen utama:

- i. ***Planning/Perancangan*** – Winston Churchill menyatakan: *"He who fails to plan is planning to fail"*. *Planning* memastikan setiap orang jelas objektif yang ingin dicapai. Dalam konteks INTAN, pastinya ia berkaitan dengan perancangan tugas teras iaitu latihan (kursus/seminar/forum/persidangan/Executive Talks – mod fizikal mahupun maya); penilaian; penyelidikan; penerbitan dan konsultasi. Ia

dirancang berpandukan kepada dasar-dasar utama negara (RMKe-12, MyDIGITAL, Malaysia MADANI) dan inisiatif dibawa oleh *Government of the day*.

- ii. **Purpose/Tujuan** – dalam melaksanakan pekerjaan, syariat menetapkan ia perlu dilakukan berpandu kepada *ahsanu amala* (memberi perkhidmatan terbaik) menerusi “ihsan” dan “itqan”. *Ihsan* – keyakinan bahawa Dia sentiasa mengawasi apa yang kita lakukan, meskipun tiada manusia/penyelia memantau kerja kita. *Itqan* – membawa maksud kewajiban melakukan tugas dengan teliti, cermat, kemas dan bersungguh-sungguh.
- iii. **People/Warga** – pemberi dan penerima perkhidmatan. Warga kerja INTAN sendiri merupakan tulang belakang dan tonggak utama INTAN. Tanpa anda semua, INTAN tak akan mampu ke mana-mana. Kedua, adalah mereka yang menerima perkhidmatan kerana tanpa mereka INTAN akan kehilangan peranan dan relevannya. Peranan institusi yang memberi latihan ini disebut dalam ***Development Administration in Malaysia: Report to the Government of Malaysia*** (John D. Montgomery & Milton J. Esman, 1966). Ia

kemudian dinyatakan dengan jelas menerusi cadangan institusi dalam laporan bertajuk ***Training for Development in West Malaysia*** oleh Jabatan Perdana Menteri, 1969 yang menjadi *major landmark* dalam sejarah perkhidmatan awam negara.

- iv. ***Process/Proses*** – gerak kerja bersifat *inter-processes* (dalaman INTAN) dan *intra-processes* (INTAN dan rakan strategik), melibatkan komunikasi, hubungan baik dan kolaborasi bagi mewujudkan sinergi. Contoh: Permukiman Anggota Jemaah Menteri 2023 tidak akan berjaya tanpa komunikasi dan kolaborasi antara entiti dalaman INTAN dan antara INTAN dan RSOG, JPM dan MAMPU.
- v. ***Profits/Hasil*** – ia bukan bermaksud keuntungan kewangan sebaliknya dalam bentuk output dan *outcome* yang cemerlang dan memberi impak positif kepada perkhidmatan awam dan negara.

16. Menerusi operasi strategik 5P's tadi, kita akan mengekalkan kedudukan INTAN sebagai institusi primer menerusi pengukuhan bidang kecemerlangan (*areas of excellence*) berikut:

- i. ***An Intellectual powerhouse*** yang terus dihormati menerusi pelaksanaan tugas teras: latihan, penilaian, penyelidikan, penerbitan dan konsultasi.
- ii. ***High impact institution*** yang terus mengukir nama melaksanakan program-program bitara seperti Pemukiman Anggota Pentadbiran, MAPPA, Istiadat Penganugerahan DPA dan Felo INTAN, DGCD, DGCCR dan pelbagai lagi.
- iii. ***Neo-INTAN (Creating A New Branding)*** menerusi penjenamaan baharu seperti IMATEC sebagai *Digital Learning Centre*; IJE sebagai *Centre of Excellence* Bahasa dan Komunikasi; INTAN Kampus Wilayah dalam *flagship* masing-masing; Konsortium ILA (*certified trainers* dalam *coaching*, DGCCR); Ujana INTAN; Kota Buku INTAN dan seterusnya.
- iv. ***A Culture of Excellence*** menerusi pemerkasaan tata kelola dan governans INTAN, misalnya menerusi *future classroom*, *future studio for learning*; pendigitalan sistem dan proses kerja – DTIMS dan i-EMG, ISAC 2.0, EPSA baharu, pembayaran kursus dalam talian yang akan dimulakan tahun ini; dan

- v. ***Competency and Development of Manpower***
menerusi pencapaian sasaran kecekapan dan pembangunan warga INTAN.

17. Bagi menggapai hasrat menjadikan institusi ini sebagai *Centre of Learning and Knowledge Supremacy* dalam perkhidmatan awam, sebelum itu kita mestilah berusaha dahulu untuk mencapai kayu ukur tertentu yang ditetapkan, misalnya:

- 100% latihan warga INTAN melebihi 7 hari (tercapai tahun 2022)
- 100% sasaran 2 KPI dan 5 PI Outcome-Based Budgeting JPA (tercapai tahun 2022)
- 100% celik digital (95% tahun 2022)
- 100% lulus *Train the Trainers* (tercapai tahun 2022)
- Pensijilan EKSA dikekalkan pada tahap cemerlang (tercapai tahun 2022)
- Pensijilan ISO/IEC 27001: 2013 *Information Security Management Systems* (ISMS) dikekalkan pada tahap cemerlang (tercapai 2022 sehingga 2023)
- *Zero Non-Conformance* pemeriksaan Audit Dalam (belum tercapai tahun 2022).

Menerusi *The New Business Excellence Framework* ini, kita harap INTAN dapat memperkasakan peranan dan sumbangan sebagai “***primus inter pares***” yang menjadi rujukan dan penanda aras tempatan serta agensi luar negara.

PERKHIDMATAN AWAM BERMARUAH: PEGANGAN SPIRITUAL DAN PROFESIONALISME

Warga INTAN yang dikasihi,

18. Bagi memenuhi aspirasi tadi, prinsip fundamental mesti dijadikan pegangan dalam mengharungi landskap dan gelora persekitaran yang tidak menentu. Dua komponen fundamental yang perlu dimantapkan dalam hati sanubari dan amalan tindakan kita semua ialah:

- i. **Spiritual** iaitu pegangan kukuh kepada agama, nilai murni, etos dan patriotisme; dan
- ii. **Profesionalisme** iaitu prinsip tatakelola dan tadbir urus cemerlang.

19. Tanpa pengukuhan spiritual maka akan timbullah isu dan permasalahan akhlak dalam kalangan penjawat awam. Lalu berlaku tragedi, krisis dan konflik dalam

pejabat – salahguna kuasa, korupsi, membuang masa, menangguhkan kerja, pembaziran peruntukan, melakukan urusan peribadi semasa bekerja, hasad dengki, tikam belakang, luntur semangat bekerja dan tidak terbit langsung perasaan bangga bergelar penjawat awam.

20. Tanpa kekuatan profesionalisme dalam pekerjaan, maka akan terjadilah kelemahan tata kelola, *culture of contentment*, daya saing yang rendah; yang akhirnya menatijahkan petanda buruk seperti “*trust deficit*” rakyat. **World Competitiveness Report 2022** yang dikeluarkan oleh World Economic Forum, menunjukkan kedudukan Malaysia kini telah jatuh ke tangga ke-32 daripada tangga ke-25 pada tahun sebelumnya. Sebagai penjawat awam, tanggungjawab kita adalah untuk meningkatkan semula kedudukan dan imej negara.

21. Etos perkhidmatan awam memastikan wujudnya perasaan patriotisme dan kebanggaan memberi perkhidmatan sebagai tanggungjawab warga negara. Semangat kebangsaan ini seterusnya mewujudkan identiti sepunya bagi kesepaduan sebuah masyarakat dan negara.

22. Komponen spiritual dan profesional yang diterap kukuh akan mewujudkan kebanggaan, jati diri, komitmen, empati dan motivasi untuk melaksanakan tindakan yang terbaik dengan berpaksikan kepada rahmah, ihsan dan kepentingan rakyat (*citizen centric*) seperti terkandung dalam gagasan Malaysia MADANI. Negara memerlukan anggota perkhidmatan awam yang memiliki sahsiyah tinggi dan profesionalisme untuk menyampaikan perkhidmatan yang berdaya cipta, saling menghormati dan bersifat ihsan.

23. Suka dikongsikan pesanan Imam Al-Ghazali agar kita memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan tingkahlaku yang betul, berkebakikan dan melakukannya melangkaui keperluan. Katanya:

- **Sebelum** mengerjakan sesuatu, **ikhlaskan** hati
- **Semasa** mengerjakan sesuatu, **khusyukkan** hati
- **Setelah** mengerjakan sesuatu, **rendahkan** hati

24. Justeru, PI ingin menekankan agar setiap warga INTAN dapat bersama-sama membina kekuatan spiritual dan profesionalisme bagi menyelesaikan permasalahan dihadapi, mengemudi tugas, menjadi ejen Islah (pembaharuan) yang efektif di peringkat unit, pusat, program, kampus dan organisasi. Dengan

pernyataan "*sense of purpose*" dan "*sense of commitment*" ini, Insyaallah perkhidmatan awam yang bermaruah dan bermartabat mulia akan dapat dilahirkan.

CERITA LATA KARE: KUASA "*SENSE OF PURPOSE*" DAN "*SENSE OF COMMITMENT*"

25. Kisah Lata Bhagwan Kare (Lata Kare) pernah menjadi tular di India pada tahun 2013. Pada usia 61 tahun, suri rumah tangga ini memasuki pertandingan maraton sejauh 3 km. Apa yang mendorong Lata Kare ini melakukan sesuatu perkara yang memang tidak akan dilakukan oleh wanita yang sebaya usia dengannya? Wanita dari India ini sanggup melakukan apa sahaja kerana didorong oleh "*sense of purpose*" dan digerakkan oleh "*sense of commitment*" yang kuat iaitu untuk mendapatkan wang hadiah pertandingan demi membiayai kos rawatan kesihatan suaminya.

26. Lata Kare mendiami sebuah kampung kecil di Maharashtra, India menjalani kehidupan penuh kemiskinan bersama suami dan tiga anak perempuannya. Suatu hari mereka menerima perkhabaran buruk iaitu suaminya telah didiagnosis

dengan jangkitan kuman yang serius. Doktor mencadangkan agar suaminya menjalani ujian perubatan tambahan, dengan kosnya begitu mahal jauh melebihi kemampuan kewangan mereka.

27. Dalam kesedihan sewaktu perjalanan pulang, Lata terlihat surat khabar yang mengiklankan penyertaan larian maraton dengan pemenangnya bakal menerima wang hadiah sebanyak 5,000 rupee (RM267.00). Lata melihat iklan dan hadiah yang ditawarkan dengan penuh harapan kerana cukup untuk membiayai kos rawatan suaminya. Namun rupanya pelbagai masalah dihadapi.

28. Pertandingan Maraton Baramati memperlihatkan peserta-peserta lengkap bersepatu, seluar dan baju sukan yang sesuai untuk larian. Berbeza dengan Lata Kare, dia hanya memakai Saree dan berkaki ayam. Malahan dia terpaksa merayu kepada penganjur kerana dianggap sudah melanggar peraturan pertandingan. Hanya setelah puas merayu dan bertegang urat, Lata Kare akhirnya dibenarkan menyertai larian tersebut.

29. Akhirnya Lata Kare muncul sebagai pemenang pertandingan Maraton Baramati. Semasa ditemuramah

oleh wartawan, Lata menyatakan; "Bersama larian saya tadi, saya membawa harapan dan nyawa suami saya." Pencapaian luar biasa dan pengorbanan seorang isteri didorong oleh "*sense of purpose*" begitu kuat itu, telah menjadi asas penerbitan filem mengenai kisah Lata Kare pada tahun 2020, dengan jodol "Lata Bhagwan Kare", ditulis dan diarahkan oleh Navin Deshaboina.

<https://www.youtube.com/watch?v=-VuKTi5bbDM>

PENUTUP

Warga INTAN yang dikasihi,

30. Mari kita terus menyatukan semangat dan teguh berusaha menongkah arus VUCA yang penuh gelora ini. Ayuh, kita bulatkan tekad dan semangat dengan menzahirkan komitmen menerusi Ikrar Perkhidmatan Awam. PI minta semua yang ada di dewan dan di mana jua lokasi yang mengikuti majlis ini untuk berdiri:

(up)

Kami yang telah dilantik
Berkhidmat dengan kerajaan Malaysia
Membuat ikrar di sini

Bahawa semasa dan selagi kami
Berkhidmat dengan kerajaan
Kami akan patuh
Dengan mengamalkan teras-teras perkhidmatan
semasa menjalankan tugas.
Ke arah ini kami akan:

- Berazam meningkatkan mutu perkhidmatan
- Bekerja dengan penuh tanggungjawab
- Berusaha mengikis sikap mementingkan diri sendiri
- Berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan
- Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara
- Bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara
- Dan, Berpegang teguh kepada ajaran agama.

Semoga tahun 2023 membawa fajar gemilang dan
semoga INTAN kian gemerlap menyinari modal insan
perkhidmatan awam terbilang.

Sekian, wabillahittaufik walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.